KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	06.02.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Syor kerajaan beri subsidi khas elektrik kepada PKS

Langkah bantu pengguna berdepan kenaikan harga barang, produk

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan dicadang untuk memberikan subsidi khas elektrik kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dijangka menjadi kumpulan paling terkesan akibat surcaj 3.7 sen bagi setiap kilowatt sejam (kWj) yang dikenakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada sektor komersial dan industri.

Pakar ekonomi, Prof Dr Barjoyai Bardai, berkata pemberian subsidi khas itu bukan saja berupaya membantu PKS, namun kepada pengguna juga ketika berdepan kenaikan harga barang dan produk daripada sektor perusahaan terbabit.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan perlu menyelidik bagi mengenal pasti golongan PKS untuk dibantu dalam aspek pemberian subsidi khas berkenaan.

"Bagi industri besar, sepatutnya mereka tiada masalah untuk menyerap surcaj ini kerana kebiasaannya mereka sudah menyediakannya dalam peruntukan.

"Namun, bagi PKS ia pasti akan menjejaskan mereka, sekali gus memindahkan kos ini kepada pengguna.

"Mungkin kerajaan perlu memikirkan kembali dengan melakukan penyiasatan siapa peniaga kecil atau sederhana akan terkesan dan memberikan subsidi buat mereka," katanya yang juga Pengarah Program MBA in Global Islamic Finance Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) kepada *BH*.

Sebelum ini, Presiden Kebangsaan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Ding Hong Sing, dilaporkan berkata pengguna perlu sedia berdepan kenaikan harga barang susulan pengenaan surcaj 3.7 sen itu.

Kenaikan itu akibat kos tambahan terpaksa ditanggung pengilang yang kini bergelut untuk kembali menjana perniagaan.

Pada masa sama, pihaknya menjangkakan kenaikan harga barang akan lebih tinggi membabitkan produk mewah, berbanding barangan keperluan.

"Kenaikan bergantung kepada barangan. Jika ia keperluan asas mungkin kenaikan adalah sedikit, tetapi bagi barangan mewah ia akan berlaku sebaliknya.

"Ini kerana peniaga akan melihat juga adakah pengguna mampu menyerap kenaikan harga itu bergantung kepada keanjalan permintaan," katanya.



Surcaj 3.7 sen bagi setiap kWj yang dikenakan TNB memberi kesan kepada perusahaan kecil dan sederhana. (Foto hiasan)

> Kerajaan perlu menyelidik bagi mengenal pasti golongan PKS untuk dibantu dalam aspek pemberian subsidi khas berkenaan

Barjoyai Bardai,
Pakar ekonomi

